

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR
DAN DIPLOMATIK (PPTD)

TEMPAT: HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 28 oct 1991

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kerana menjemput saya dan isteri saya ke majlis makan malam tahunan Persatuan ini.

2. Seperti tahun-tahun yang lepas, di mana saya telah mengutarakan beberapa pendapat dan pandangan ikhlas, pada kali ini saya ingin menyentuh mengenai peranan para pegawai pentadbir serta cabaran-cabaran pentadbiran dan pengurusan yang dihadapi dalam usaha kita membawa negara ke tahap pencapaian yang lebih tinggi.

3. Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik mempunyai peranan penting dalam usaha membangunkan negara. Peranan ini menjadi lebih penting oleh kerana kita telah merancang untuk membangunkan negara dengan cepat dan tersusun pada tiap-tiap tahun supaya matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 tercapai.

4. Dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara membangun yang lain, Malaysia mempunyai Perkhidmatan Awam yang cekap dan tertib. Ini telah membantu negara mencapai pembangunan yang pesat dan mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi sehingga kini. Pencapaian ini sudah tentu sukar dicapai jika pentadbir-pentadbir Kerajaan tidak cekap, tidak bertanggungjawab dan tidak beramanah. Pada hari ini jentera pentadbiran kita bukan sahaja mendapat sanjungan daripada beberapa negara lain, tetapi juga menjadi "model" negara membangun dan yang mampu menghadapi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mencapai kejayaan.

5. Namun demikian, sebagai anggota Perkhidmatan Awam yang mempunyai peranan penting, pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik tidak harus "rest on your laurels" atau berpuas hati. Sebaliknya, dengan penetapan matlamat yang tinggi bagi negara kita, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah lebih berusaha untuk meningkatkan lagi kecekapan, produktiviti dan mutu kerja supaya dapat kita mengejar negara-negara yang sekarang lebih maju daripada kita. Jika kita hanya bekerja setaraf dengan kecekapan dan produktiviti pekerja negara maju sekarang, walaupun kita akan maju ke hadapan tetapi kita akan kekal di belakang mereka selamanya.

6. Penduduk-penduduk di beberapa buah negara Timur yang berjaya mengejar negara maju di Barat telah bekerja dengan lebih gigih dan lebih bersemangat serta mengutamakan kemajuan negara lebih daripada apa-apa kepentingan lain. Hanya setelah negara mereka maju baharulah mereka menuntut hasil kemajuan ekonomi negara mereka. Jika kita menuntut hak dan ganjaran yang sama dengan yang diperolehi di negara yang sudah maju sedangkan kita masih ditahap negara membangun, maka kita tidak mungkin mencapai kemajuan dan tidak akan menikmati hasil usaha kita secara berkekalan. Apa yang akan berlaku ialah pertumbuhan ekonomi akan terjejas sementara sara hidup kita akan meningkat dengan mendadak, yang akan menjadikan pendapatan kita tidak bermakna. Inilah yang dikehendaki oleh pekerja negara yang sudah maju kerana mereka tidak ingin kita mencapai kemampuan untuk bersaing dengan mereka. Mereka ingin kekalkan kehidupan mewah mereka dengan memperkudakan pekerja-pekerja negara-negara membangun.

7. Tahun ini amat significant bagi negara kerana pelancaran Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2). Membentuk dasar dan rancangan adalah lebih mudah daripada menjayakannya. Kejayaan bergantung kepada kesanggupan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bertindak sebagai pelaksana-pelaksana dasar-dasar Kerajaan. Bagi menjayakan DPN dan RRJP2, adalah penting pegawai-pegawai Kerajaan daripada peringkat rendah hinggalah ke peringkat tertinggi menghayati serta memahami dengan mendalam matlamat-matlamat yang terkandung dalam dasar dan rancangan tersebut. Semua pihak harus sedar bahawa kejayaan dasar dan rancangan kita akan dinikmati oleh kita semua. Demikian juga kegagalan akan merugikan kita semua.

8. Dalam pelaksanaan DEB tumpuan ramai adalah kepada kekayaan yang diperolehi daripada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan menubuhkan ASN dan lain-lain tabung amanah serta pemberian berbagai-bagai kemudahan, kita telah dapat mengagihkan secara lebih adil kekayaan negara. Demikian juga hasil daripada penambahan biasiswa, bantuan harga padi, persediaan kemudahan peralatan dan lain-lain infrastruktur serta pengwujudan peluang-peluang kerja melalui galakan pelaburan. Sesiapapun tidak dapat menafikan bahawa jika dibandingkan taraf hidup kita pada tahun 1970 dengan tahun 1990, taraf hidup tahun 1990 adalah lebih tinggi bagi semua rakyat. Oleh itu apabila kakitangan-kakitangan Kerajaan berusaha menjayakan DPN dan RRJP 2, nikmat tetap akan dirasai oleh mereka sendiri, dan oleh anak-cucu mereka di masa hadapan.

9. Prestasi pegawai-pegawai kerajaan dalam melaksanakan DEB adalah baik. Tetapi kemampuan yang mencukupi untuk DEB tidak memadai untuk DPN. Ini bukan semata-mata kerana falsafah DPN berbeza daripada DEB tetapi kerana keadaan sekitar sudah berubah. DEB dahulu menekankan peratusan kekayaan negara yang diperolehi oleh Bumiputera hasil

pertumbuhan ke ekonomi. DPN tidak menekankan peratusan sebagai sasaran utama tetapi lebih kepada kemampuan Bumiputera mengendali dan mengekalkan bahagian mereka. Bahagian yang didapati hari ini dan dijual pada keesokan hari tidak akan menjayakan usaha mengagih kekayaan di antara semua kaum. Justeru itu, Bumiputera yang berkualiti amat penting. Pegawai-pegawai Kerajaan juga perlu kepada kualiti ini supaya DPN berjaya. Dan bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan proses penswastaan atau yang berhenti kerja untuk berniaga, kecekapan mereka juga akan menolong menjayakan DPN.

10. Banyak telah diperkatakan mengenai wawasan 2020. Kejayaan wawasan ini memerlukan kerjasama semua pihak, termasuk pegawai-pegawai Kerajaan. Justeru itu, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah memahami dengan sepenuhnya matlamat dan falsafah wawasan ini serta cara-cara menjayakannya. Hanya dengan kefahaman dan penghayatan matlamat wawasan ini serta usaha yang gigih baharulah matlamat kita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 boleh dicapai.

11. Untuk menjadikan wawasan 2020 satu realiti, para pentadbir dan pengurus perlu memikir dan mengesan secara terperinci implikasi-implikasi sosial, ekonomi dan persekitaran berikutan proses pembangunan. Tidak semua "policy decision" Kerajaan membawa kesan positif kepada satu-satu masyarakat kerana sebab-sebab tertentu. Adakalanya niat dan tujuan yang baik mungkin membawa kesan yang negatif ataupun "unintended consequences" kerana pelaksanaan yang tidak cekap dan tidak berhati-hati.

12. Kita mahukan Malaysia menjadi sebuah negara maju, bermoral tinggi dan bersatu-padu. Kita tidak mahu negara kita maju tetapi mempunyai maruah yang rendah. Kita perlukan pembangunan perindustrian yang pesat tetapi tidaklah dengan cara pengorbanan nilai-nilai yang mulia. Apakah kita mampu mencapai taraf negara maju dan masih boleh membekalkan rakyat kita dengan keselesaan yang sejajar dengan pembangunan pesat di samping berjaya mengekalkan moral dan etika yang tinggi? Bolehkah kita jauhkan masalah-masalah sosial seperti penagihan dadah, penyakit AIDS, penderaan kanak-kanak dan isteri, domestic violence dan sebagainya yang didapati semakin meningkat? Tuan-tuan dan puan-puan sebagai pengurus, pentadbir dan pemimpin organisasi-organisasi masing-masing, mampu menentukan matlamat negara kita tercapai. Inilah antara cabaran penting bagi kita semua dalam usaha mencapai Wawasan 2020.

13. Kita kini tinggal dalam dunia yang sentiasa berubah. Antara perubahan yang pesat dan radikal adalah dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. Sebagai pentadbir dan pengurus, pegawai-pegawai PTD perlu mengetahui akan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam bidang-bidang ini, dan mempelajari serta menguasai pendekatan dan cara-cara baru ini.

14. Mereka yang ingin kekal dengan routine dan cara yang

sudah lapuk tidak akan menjadi efektif sebagai pentadbir moden. Jika kita gagal untuk "keep abreast" dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling kita, usaha-usaha bagi meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran negara tidak akan berjaya. Dalam hal ini juga, pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik hendaklah sentiasa bersedia mengikuti kursus-kursus berkenaan pendekatan dan cara-cara pentadbiran yang baru serta melengkapkan diri dengan berbagai-bagai pengetahuan mutakhir. Kerja-kerja routine yang berulang-ulang dari 8 pagi hingga 4 petang semata-mata, tidak akan dapat menjayakan cita-cita negara. Komitmen yang lebih adalah diperlukan.

15. Kerajaan sedar pentingnya negara mempunyai perkhidmatan awam yang cekap, bersih dan amanah. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan sentiasa menjaga kebajikan anggota-anggota perkhidmatannya. Jika dibandingkan dengan banyak negara membangun yang lain, taraf hidup anggota perkhidmatan awam kita adalah jauh lebih baik. Mereka tidak perlu kepada "moonlighting" untuk menambah pendapatan seperti dikebanyakan negara membangun yang lain. Saya berharap kenaikan gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan yang diumumkan baru-baru ini disambut baik dan akan mendorong anggota-anggota perkhidmatan awam untuk bekerja dengan lebih kuat, tekun dan dedikasi.

16. Tidak ada faedah bagi kita semua membuat desakan kenaikan gaji yang terlalu tinggi jika gaji yang diperolehi itu tidak dapat membeli lebih banyak barang atau khidmat daripada sebelum ini. Apa gunanya kita menerima kenaikan gaji yang tinggi jika akhirnya kuasa membeli atau purchasing power kita tidak meningkat tetapi sebaliknya menurun seperti yang berlaku di banyak negara lain. Oleh itu, adalah lebih baik kita menerima kenaikan gaji yang munasabah yang tidak akan menimbulkan tekanan inflasi dan menyebabkan harga barang-barang keperluan melambung tinggi. Dengan sistem baru ini jika prestasi kita dan kemajuan negara meningkat, kita akan berpeluang merasai nikmat daripadanya secara langsung dan tidak langsung.

17. Dalam hal ini, saya berharap dengan kenaikan gaji ini, kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak akan berbelanja dengan sewenang-wenangnya. Mereka hendaklah berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan dan menabungkan wang lebihan mereka secara yang menguntungkan. Dengan cara ini, kita akan dapat membantu mengawal kenaikan harga atau kadar inflasi.

18. Kesemua perubahan yang sedang berlaku dalam perkhidmatan Kerajaan adalah berikutan daripada peralihan tekanan dalam pendekatan Kerajaan terhadap pentadbiran negara, khususnya penciptaan konsep "Persyarikatan Malaysia". Justeru itu, para pegawai PTD haruslah menerima hakikat ini dan bersedia menyumbangkan tenaga dengan penuh keazaman dan kegigihan demi kepentingan masyarakat kini dan generasi akan datang dan yang mana, tidak dapat tidak, akan menguntungkan diri sendiri akhirnya. Para pegawai PTD mempunyai tanggungjawab moral dan ethical untuk menjamin

bahawa adanya perasaan komitmen, dedikasi dan bertanggungjawab supaya sebarang kekecewaan diri tidak dijadikan sebagai sebab untuk merosotkan nama dan imej perkhidmatan. Para pegawai PTD juga hendaklah sedia meningkatkan sumbangan mereka demi kepentingan bangsa dan negara. Dalam apa juga bidang, pengurusan yang cemerlang haruslah dijadikan matlamat yang utama. Dengan pengurusan dan pentadbiran yang cemerlang bukan sahaja pegawai-pegawai PTD akan dapat mempertahankan maruah khidmat PTD tetapi juga Kerajaan dan negara.

19. Sekali lagi saya dan isteri saya mengucapkan terima kasih atas jemputan ini dan saya berdoa semoga kita mencapai kejayaan dalam tanggungjawab dan usaha kita ke arah negara yang bahagia dan maju, Insya-Allah.